

'Mula-mula saya terhidu bau asap'

Ibu saudara sempat selamatkan diri dengan bantuan jiran

NORAFIZA JAAFAR

PUTRAJAYA - Rumah seorang pembantu akauntan terbakar dalam kejadian di tingkat empat, Blok 16, Presint 16, di sini, malam kelmarin.

Dalam insiden yang berlaku kira-kira jam 9 malam itu, pembantu akauntan itu, Saufi Mat Hassan tiada di rumah kerana keluar bersama anak dan isteri ke pusat beli-belah berdekatan sejak jam 6.30 petang, manakala ibu saudaranya, Nik Asiah Nik Yaacob, 58, sahaja yang berada di rumah.

Ketua Polis Putrajaya, Asisten Komisiner Rosly Hasan berkata, selepas me-

nerima maklumat kira-kira jam 9.15 malam, sepasukan anggota dihantar ke lokasi untuk siasatan lanjut.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati ketika kejadian hanya Nik Asiah berada di rumah dan baharu selesai solat dalam bilik ketiga kediaman itu.

Katanya, wanita warga emas itu berkata dia baharu sahaja memadamkan lampu untuk tidur sebelum terhidu bau asap.

"Wanita itu kemudiannya bangun semula dan membuka pintu bilik untuk buat pemeriksaan sebelum menyedari bahagian ruang tamu rumah dipenuhi asap.

"Pada masa sama, dia mendengar pintu rumah diketuk dari luar dan bergegas membuka pintu. Wanita itu berjaya diselamatkan dengan bantuan anak jirannya yang menyedari kejadian tersebut," katanya.

Rosly berkata, siasatan dijalankan mendapati jiran mangsa turut mendengar bunyi letupan sebanyak tiga kali sebelum melihat kebakaran di kediaman terbabit.

"Kebakaran dipercayai berpunca dari bilik tidur utama menyebabkan semua dokumen penting bersama barang kemas terbakar. Tiada sebarang kemalangan jiwa dan kecederaan dilaporkan," katanya.

kan," katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Putrajaya, Che Shaari Abdullah berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 9.15 malam sebelum 23 pegawai dan anggota bersama empat jentera dihantar ke lokasi kejadian.

"Sebaik tiba, kita dapati bilik tidur utama dengan keluasan 10x12 kaki persegi di kediaman itu sedang terbakar. Kebakaran berjaya dipadamkan sepenuhnya pada jam 9.35 malam.

"Siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti punca termasuk anggaran kerugian," katanya.



Rumah mangsa yang berada di tingkat empat terbakar dalam insiden kelmarin

Sistem pancur tidak berfungsi, sukarkan operasi pemadaman

PUTRAJAYA - Kesan kebakaran di kuarters penjawat awam di Presint 16, di sini boleh menjadi lebih buruk sekiranya kejadian berlaku di tingkat 10 dan ke atas.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Seri Wan Mohd Nor Wan Ibrahim berkata, sistem pancur air (water hydrant) tidak berfungsi dengan baik menyebabkan pasukan bomba menggunakan air yang dipam dari pili bomba.

Menurutnya, unit bertingkat mempunyai sistem kecemasan sendiri dan seharusnya berfungsi dengan baik.

"Penduduk bernasib baik kebakaran berlaku di tingkat empat dan bomba masih boleh menggunakan pili bomba untuk pemadaman, namun jika di tingkat lebih tinggi operasi bakal berdepan kesukaran.

"Isu penyelenggaraan sistem keselamatan dan kecemasan ini diberikan perhatian dan tindakan bagi mengelak insiden berulang," katanya.

Beliau meninjau lokasi semalam bagi melihat sendiri unit diduduki keluarga pembantu akauntan, Saufi Mat Hassan, 37, yang terbakar dalam kejadian jam 9.15 malam kelmarin.

Seorang warga emas berusia 58 tahun merupakan ibu saudara kepada Saufi tinggal bersendirian di rumah, sementara Saufi, isteri dan dua anaknya berada di pusat beli-belah



Unit diduduki Saufi sekeluarga ditutup sehingga siasatan selesai.



WAN MOHD NOR



SAUFI

Alamanda ketika kejadian.

Wan Mohd Nor berkata, punca kejadian masih dalam siasatan, namun tidak menolak penggunaan

elektrik berlebihan melalui sistem sambungan menyumbang kepada insiden tersebut.

Sementara itu, Saufi berkata, dokumen penting termasuk sijil kelahiran anak dan sebuah komputer antara yang terbakar dalam bilik utama unit diduduki sejak empat tahun itu.

"Saya dapat maklumat kejadian jam 9.30 malam dan tiba di rumah 10 minit kemudian. Saya tak pasti punca kejadian tapi bukan disebabkan pengesat mudah alih kerana saya tak menggunakannya dan diletakkan di ruang tamu," katanya.

Ejen hartanah rugi RM80,000

SUBANG JAYA - Seorang ejen hartanah kerugian hampir RM80,000 ditipu sindiket penipuan yang menyamar sebagai pegawai sebuah bank tempatan.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten



MOHAMMAD AZLIN

Komisiner Mohammad Azlin Sadari berkata, mangsa menerima panggilan telefon daripada seorang wanita yang memperkenalkan diri sebagai pegawai khidmat pelanggan bank, 22 Januari lalu.

Menurutnya, suspek mendakwa mangsa membuat pinjaman peribadi sebanyak RM50,000 di sebuah bank di Ipoh namun mangsa menafikan perkara itu.

Panggilan telefon kemudian disambung kepada seorang lelaki yang meminta mangsa datang ke Ipoh dalam tempoh dua jam dan sekiranya gagal berbuat demikian panggilan telefon disambung ke talian kecemasan Balai Polis Ipoh.

"Mangsa kemudian bercakap dengan seorang lelaki memperkenalkan dirinya sebagai Sarjan Ang. Suspek me-

minta butiran diri mangsa sebelum talian kemudian kononnya disambung ke Bukit Aman.

"Mangsa diminta mengeluarkan semua wang dalam akaun bank dimilikinya dan

dipindahkan ke satu akaun bank baharu. Mangsa diminta membuka akaun baharu selepas suspek mendakwa dia terlibat dengan seorang lelaki yang terbabit dengan sindiket yang dikatakan memegang 300 buku akaun milik rakyat negara ini," katanya.

Mangsa juga didakwa kononnya terlibat dengan transaksi haram dalam talian untuk kes dadah, suspek mendakwa waran tangkap sudah dikeluarkan untuk menangkap mangsa di rumahnya.

"Mangsa mengikut arahan suspek melakukan transaksi pindahan wang dalam semua akaun bank miliknya secara atas talian kononnya bagi elak akaun dibekukan sebelum sedar menjadi mangsa penipuan," katanya.